



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH  
جَبَاتِنِ هَالِ اِهْوَالِ اِغَامَا اِسْلَامِ نِغَرِي سَابَاهِ

**KHUTBAH JUMAAT  
PERTAMA DAN KEDUA**

21 APRIL 2023M

**PERGINYA RAMADAN & TIBANYA SYAWAL**

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

**Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:**

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

**KHUTBAH TELAH DISEMAK**

TARIKH DISEMAK : 13/04/23

PEGAWAI PENYEMAK : .....

**ADAM BIN ABDUL HAI**  
Unit Baitul Hikmah  
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

**KHUTBAH RASMI JHEAINS**

DILULUSKAN PADA : 14/04/2023

DIBACA PADA : 21/04/2023

DILULUSKAN OLEH : .....

**BAHARUDIN HJ. ALWI**  
Ketua Perolong Pengarah  
Bahagian Penyelidikan & Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**KHUTBAH PERTAMA**  
**PERGINYA RAMADAN & TIBANYA SYAWAL**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا ﴿٩﴾ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا ﴿١٠﴾ (سورة الشمس (91): 9-10)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، تَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**SAUDARA MUSLIMIN TETAMU ALLAH YANG MULIA!**

Bertaqwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintahNya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita diberkati di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk “**PERGINYA RAMADAN & TIBANYA SYAWAL**”.

**SIDANG JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Sukacita khatib ingin mengajak Jamaah Jumaat untuk mengimbau sebelum Ramadan datang, kita selalu menantinya dengan penuh kerinduan dan keazaman. Berlalunya bulan Ramadan, kini diganti pula bulan Syawal, maka saatnya untuk kita bermuhasabah dan mengingatkan kembali apa yang telah kita lakukan pada bulan yang penuh keberkatan dan kemuliaan itu?

Sungguhpun Ramadan penuh ampunan, rahmah dan limpahan pahala disediakan, akan tetapi melakukan sesuatu kebaikan tidaklah mudah

melainkan mereka benar-benar ikhlas dan bertaqwa kepada Allah Taala dengan sepenuh hati, sentiasa mengharapkan keampunan dan menyucikan diri sepertimana firman Allah Taala dalam surah As-Syams ayat 9-10:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا ۖ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا ۗ

**Maksudnya :** “Sungguh beruntung orang yang menyucikannya (jiwa itu), dan sungguh rugi orang yang mengotorinya”.

**(QS asy-Syams (91):9-10)**

Dua ayat di atas menjelaskan tentang dua sifat dalam diri manusia atau makhluk secara umum. Akan ada diri yang bersih dan akan ada yang kotor.

Para Ulama *mufassirin* menjelaskan bahawa ayat di atas dapat dimaknai dengan dua keadaan iaitu Makna Syariat dan Makna Hakikat. Makna secara syariat merupakan makna yang mudah dicerna oleh akal sihat, dapat dilihat oleh mata dan diusahakan oleh anggota badan. Sedangkan makna hakikat, merupakan makna yang mesti diimani dan termasuk urusan hati.

### **JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Secara syariat, ayat 9 dan 10 yang dibacakan pada permulaan khutbah ini menjelaskan tentang hakikat diri hamba iaitu: “Alangkah beruntungnya orang yang membersihkan jiwanya dan alangkah ruginya orang yang mengotori jiwanya”. Bentuk pembersihan jiwa yang dimaksudkan adalah dengan cara melaksanakan ketaatan kepada Allah SWT dan membiasakan diri untuk tidak melakukan perilaku atau akhlak yang hina lagi rendah. Adapun bentuk pengotoran jiwa apabila seseorang jauh dari hidayah Allah, menjauhi al-Quran, menjauhi Sunnah, menjauhi para ulama, sehingga berterusan melakukan kemaksiatan dan tidak melakukan ketaatan.

Manakala makna secara hakikat itu apabila seseorang tergolong sebagai hamba yang beruntung bila Allah SWT membersihkan jiwanya. Dan seseorang tergolong dalam kerugian apabila Allah SWT menetapkan jiwanya dalam keadaan kotor.

### **JAMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN,**

Antara amalan sunat yang digalakkan pada bulan Syawal seperti **Puasa Enam** dan ibadah lain yang kita laksanakan di luar Ramadan. Islam memberikan kesempatan kepada kita untuk meneruskan dan melestarikan ibadah puasa. Rasulullah SAW menganjurkan kepada kita untuk berpuasa 6 hari di bulan Syawal seperti dalam sabdanya yang **bermaksud**:

*“Barangsiapa yang berpuasa di bulan Ramadan kemudian diikuti dengan enam hari di bulan Syawal, ianya bersamaan dengan berpuasa sepanjang tahun.”*

**(HR. Muslim)**

Di samping itu juga jangan lupa melakukan puasa sunat Isnin-Khamis, puasa sunat tiga hari (*al-ayyam al-bidh*) pada tanggal 13, 14 dan 15 setiap bulan hijrah, dan ada juga beberapa puasa sunnah yang lain. Rasulullah SAW juga menganjurkan agar kita melakukan ibadah sepanjang tahun, tidak hanya pada bulan Ramadan. Malahan adalah lebih baik sekiranya seseorang terus istiqamah dalam bulan Syawal hatta sepanjang hayat. Seperti sabda Nabi SAW yang menjadi peringatan buat kita:

*“Tahukah kamu siapakah orang yang mufliis?” Jawab mereka: “Orang yang mufliis dalam kalangan kami ialah sesiapa yang tiada dirham dan tiada harta”. Sabda baginda SAW: “Orang yang mufliis dari kalangan umatku ialah sesiapa yang datang pada hari Kiamat nanti bersama solat, puasa, zakat, juga dia*

*pernah memaki, menuduh memakan harta, menumpah darah dan memukul seseorang. Lalu diberikan kepada orang ini dan itu pahalanya. Jika pahala-pahalanya habis sebelum sempat dilangsaikan kesalahannya, maka diambil dosa-dosa mereka dicampakkan ke atasnya kemudian dicampakkan dia ke dalam neraka.”* (HR. Muslim).

### **JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI,**

Bersegerakanlah diri kita untuk terus berbuat baik dan melakukan berbagai ketaatan. Sewaktu kita masih muda, kita manfaatkan masa muda kita untuk berbuat baik sebelum kita tua. Selagi kita sihat, kita manfaatkan masa sihat untuk berbuat baik sebelum tiba waktu sakit. Kita manfaatkan masa sempat untuk berbuat baik sebelum datang kesibukan dan kesempitan. Selagi kita hidup, kita manfaatkan masa hidup kita untuk berbuat baik sebelum kita mati. Dunia adalah waktu untuk beramal dan akhirat adalah waktu untuk mempertanggungjawabkan amal. Allah SWT berfirman:

أَنْ تَقُولَ نَفْسٌ يَحْسَرْتِي عَلَى مَا فَرَّطْتُ فِي جَنْبِ اللَّهِ ... ﴿٥٦﴾

**Maknanya:** “Maka diperintahkan demikian, supaya jangan seseorang (menyesal) lalu berkata: “sungguh besar sesal dan kekecewaanku kerana aku telah mencuaikan kewajipan-kewajipanku terhadap Allah ...”

(QS Az-Zumar (39):56).

## SAUDARA JAMAAH JUMAAT YANG SAYA KASIHI,

Aidilfitri diraikan sebagai satu tanda kemenangan. Kemenangan dan kemerdekaan diraikan dengan kegembiraan apabila kita telah beramal dengan baik selama bulan Ramadan yang baru berlalu. Semoga Allah SWT jua yang berhak kurniakan ganjaran mahupun keredaan-Nya terhadap hamba-hamba-Nya yang sentiasa bersyukur dan beramal soleh.

Firman Allah SWT dalam surah al-'Asr, ayat 1-3:

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ  
وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾

**Maksudnya:** “Demi Masa (1) Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian (2) Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.(3)”

(QS al-'Asr (103):1-3)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ  
اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ  
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## تيك س خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ،  
أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ  
التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا  
أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.  
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا وَعَلَى  
مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي فَادُوك بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتُونَا اَكُوعْ وَفَخَامَةَ الرَّيِّيسِ  
الْأَعْلَى تَوَان يَغْ تَرَاوَتَام يَغْ دَفْرَتُونَا نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ  
الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
Tel: 088-522142 / [jheains.penerbitan@gmail.com](mailto:jheains.penerbitan@gmail.com)



Pihak JHEAINS berusaha untuk mempertingkatkan kualiti khutbah Jumaat yang diterbitkan. Maklum balas dari pihak tuan/ puan amat dihargai. Sila semak QR code ini. Sekian, terima kasih.